

* Lebih 400 orang penyelidik dan pengamal dari lebih 30 buah negara menyumbang kepada panduan ini

Menyematkan norma baharu

Amalan klinikal melibatkan sesuatu yang rumit - kami seharusnya menjangkakan dilema etika akan muncul.

ADAKAH NORMA ETIKA MERUPAKAN SEBAHAGIAN DARIPADA AMALAN DI TEMPAT KERJA SAYA?


Dilema etika tidak terhad kepada satu masa tertentu dan mungkin tidak sesuai sepenuhnya dengan peraturan etika. Dasar dan amalan perlu mencerminkan perkara ini.

Keadaan berubah apabila interaksi klinikal berlaku, yang memerlukan kewaspadaan berterusan dan perhatian terhadap cabaran etika yang muncul. Menjangkakan situasi yang mencabar membolehkan kita menyedari apabila situasi menyimpang daripada keadaan yang diharapkan. Setiap dilema yang kami hadapi selalunya rumit dan memerlukan kerjasama secara berpasukan untuk mencari penyelesaian terbaik.

Klinisian digalakkan untuk bersuara apabila berhadapan dengan cabaran etika dan untuk mendekati dan mendapatkan sokongan daripada rakan sejawat dalam komuniti klinikal global. Kami mesti menjangkakan pelaporan perubahan dan cabaran dalam interaksi klinikal dan secara aktif menyokong dalam mencari penyelesaian.

Proses etika yang teguh mesti mempunyai komponen kawal selia dan elemen sokongan. Kebertanggungjawaban untuk konteks yang kompleks hendaklah merangkumi:

- Penyeliaan klinikal dan rakan sejawat yang kerap
- Satu proses untuk melaporkan dan berkongsi cabaran yang dihadapi serta penyelesaian yang dicapai (untuk kebertanggungjawaban yang dipertingkatkan dan untuk menggalakkan budaya pembelajaran)



PENGARANG UNTUK DIHUBUNGI

E-MEL: ethicalglobalresearch@ed.ac.uk

Dr. Clara Calia, Prof Liz Grant, Prof Corinne Reid,
The University of Edinburgh, United Kingdom

Dr. Cristobal Guerra, Universidad Santo Tomás, Chile

www.ethical-global-research.ed.ac.uk

Published under Creative Commons CC-BY-SA licence.

Diterbitkan di bawah lesen Creative Commons CC-BY-SA.


Mendayakan penyelesaian etika dalam persekitaran klinikal yang kompleks

Penyelesaian etika:

- bertujuan untuk mempertingkatkan keselamatan dan kesejahteraan klien kami
- bertujuan untuk mengekalkan keselamatan dan kesejahteraan klinisian
- responsif mengikut konteks
- bertujuan untuk menggalakkan kesaksamaan sosial dan komuniti yang berkembang maju dan mampan
- boleh ditemukan di pelbagai lokasi
- dibina berdasarkan nilai kemanusiaan dan berorientasikan komuniti yang dikongsi bersama
- bertujuan untuk mengambil kira keseluruhan perjalanan klinikal, termasuk kesan legasi
- sejajar dengan prinsip penting dan peraturan yang berkaitan
- didayakan melalui kerjasama, amalan reflektif dan keterbukaan terhadap inovasi
- mengambil kira kesan perbezaan kuasa pada agenda, proses dan pelaporan klinikal
- disokong oleh proses institusi dan sokongan berterusan
- mungkin memerlukan kami (dan klien serta rakan kongsi perkhidmatan kami) bersedia untuk 'mengambil pendekatan jangka panjang'.

Pembuatan keputusan beretika dalam persekitaran klinikal yang kompleks bukanlah:

- sekadar menerima pakai dan mematuhi proses terpiawai atau prosedur tegar
- tindakan 'satu kali' didorong terutamanya oleh keputusan pembiayaan atau agenda politik
- dilaksanakan secara berasingan daripada klien kami, atau komuniti – intervensi klinikal tidak sepatutnya dikenakan.



Perjalanan Klinikal Beretika

Amalan klinikal dalam konteks yang kompleks menimbulkan cabaran yang unik. Amalan terbaik dalam satu persekitaran mungkin tidak sesuai dalam suasana yang lain. Keadaan ini boleh menyebabkan dilema etika sepanjang perjalanan klinikal.

Dalam konteks silang budaya, penglibatan dengan, dan kepercayaan dalam perkhidmatan kesihatan dan kesihatan mental dipengaruhi oleh: pemahaman tentang keperluan budaya, intervensi yang berkaitan dengan budaya serta ketersediaan kakitangan yang pelbagai etnik.

Matlamat set alat dan panduan saku ini adalah untuk:

- Menyumbang kepada gerakan global untuk amalan membijajah etika di kalangan rakan kongsi global dalam penjagaan kesihatan; dan
- Meningkatkan akses kepada alat untuk menyokong amalan dalam sistem kesihatan negara, NGO dan klinik swasta

Apakah perkara yang akan membolehkan tindakan etika yang berterusan dalam amalan klinikal?

Etika amalan klinikal melibatkan pembuatan keputusan dan tindakan sehari-hari dalam semua aspek perkhidmatan klinikal dan terutamanya semasa interaksi dengan klien.

Untuk membantu kami mengenal pasti dan menangani cabaran etika, kami telah memetakan rangkaian pengaruh yang membentuk jaluran saling bergantung yang menjalin melalui setiap peringkat perjalanan amalan klinikal:

- Tempat:** aspek fizikal, politik, budaya dan sejarah bagi tempat
- Individu:** klien, pengamal, rakan sekerja, pihak berkepentingan komuniti
- Prinsip:** peraturan etika dan undang-undang yang harus menjadi panduan kepada amalan
- Duluan:** amalan lampau – berjaya dan tidak berjaya. Merenungkan setiap empat elemen 4P ini boleh menjelaskan cabaran etika serta membantu kami dalam mencari penyelesaian yang berpotensi.

Kerja klinikal memberi kesan kepada kehidupan. Amalan global beretika merangkumi ciri belas kasihan, boleh suai dan bertanggungjawab dalam perkadaran yang sama.

Cabaran etika tidak selalunya jelas dan mencari penyelesaian boleh menjadi sesuatu yang mencabar. Usaha kerjasama boleh diperkukuh apabila kerja ini dilakukan bersama.

Selalunya terdapat lebih daripada satu penyelesaian etika untuk masalah yang sama. Kadangkala perkara tersebut melibatkan persoalan memilih 'pilihan yang paling beretika, walaupun, tidak sempurna, buat masa ini'.

Cabaran dan penyelesaian wujud dalam interaksi dinamik - perkara yang berfungsi dengan berkesan kali ini mungkin tidak berfungsi lain kali - penyelesaian kami perlu responsif kepada keadaan yang berlaku.

Sikap terbuka kepada idea baharu boleh memacu inovasi pada saat yang tidak dijangka. Selalunya penyelesaian kreatif boleh menjadi penyelesaian beretika

DI DALAM: Infografik KULIT BELAKANG:

Menyematkan norma baharu dalam amalan dan institusi kami

Perjalanan Klinikal Beretika

Memperkuh cara kami bekerja dalam persekitaran yang kompleks dan tidak kukuh untuk membolehkan tindakan dan hasil yang beretika.

Pertimbangan etika adalah relevan pada setiap peringkat perjalanan klinikal.

Perjalanan amalan klinikal adalah panjang dan selalunya sukar dalam konteks yang kompleks. Cabaran etika boleh muncul pada mana-mana peringkat, daripada rujukan kepada legasi yang kekal lama selepas interaksi klinikal telah selesai.

BAGAIMANAKAH SAYA BOLEH MENYUMBANG KEPADA TINDAKAN ETIKA? APAKAH RANCANGAN SAYA?

Alat ini bertujuan untuk membantu

dalam merenungkan cabaran etika yang mungkin kami hadapi pada setiap peringkat. Ambil maklum bahawa perjalanan amalan klinikal bukanlah sesuatu yang jelas dan mudah mahupun yang boleh diramal. Urutan peringkat mungkin berbeza-beza. Selalunya anda dikehendaki mengulangi peringkat sebelumnya

Empat P Jaluran saling berkait

Tempat cabaran dan dilema etika muncul. Tempat penyelesaian boleh ditemukan.

Jaluran saling bergantung ini menjalin melalui semua peringkat hubungan klinikal Untuk memahami dilema dan mencari penyelesaian beretika, kami perlu merenung aspek ini dalam berbilang dimensi.

TEMPAT

Apakah yang akan berfungsi dalam konteks ini?

INDIVIDU

Siapakah yang akan membantu kami memberikan yang terbaik dan mendapatkan sokongan yang kami perlukan?

PRINSIP

Apakah pandangan hidup dan nilai yang akan membimbing kami dengan baik?

DULUAN

Apakah yang perlu kami patuhi atau persoalkan dalam aspek kerja yang ditetapkan?

Budaya Persekitaran Klinikal

Setiap daripada kami dibentuk oleh pandangan hidup tertentu dalam institusi/komuniti tempat kami beroperasi, dan juga institusi tempat kami menerima latihan.

Bagaimanakah budaya profesional bagi perkhidmatan klinikal ini boleh mewujudkan

Hubungan Dengan Pihak Berkepentingan Lain

Apakah yang akan membantu kami mewujudkan dan mengekalkan budaya kolaboratif dalam penglibatan kami dengan pihak berkepentingan yang lain?

Apakah yang akan membantu kami mewujudkan dan mengekalkan budaya kolaboratif dalam penglibatan kami dengan pihak berkepentingan yang lain?

Pengekalan Hubungan Dengan Klien

Menjangkakan turun naik dalam hubungan ini membolehkan kami menangani situasi tersebut secara terbuka apabila keadaan turun naik berlaku.

Adakah hubungan kami dengan klien kami berkembang dengan cara yang positif sebagai tindak balas kepada usaha kolaboratif yang dilakukan?

Menamatkan Intervensi Terancang Dan Tidak Terancang

Terlibat secara positif dengan pengakhiran, tanpa mengira cara pengakhiran tersebut berlaku, boleh menjadi sumbangan yang penting kepada hasil terapeutik

Bagaimanakah kami boleh memastikan bahawa penamatan interaksi klinikal merupakan pengalaman yang meyakinkan dan mengukuhkan?

Kesan Legasi Intervensi

Kami sentiasa perlu mempertimbangkan kesan jangka panjang daripada sebarang interaksi klinikal – baik untuk klien mahupun klinisian.

Apakah langkah penting dalam memastikan intervensi klinikal berjaya diterjemahkan ke dalam kehidupan klien kami?

Prinsip dan Nilai Panduan

Kompas panduan untuk tindakan etika – terutamanya dalam situasi klinikal yang kompleks.

JANGAN LAKUKAN SESUATU YANG MEMUDARATKAN

Kemudaran boleh berlaku melalui tindakan dan ketiadaan tindakan klinikal. Kenali graviti dan implikasi etika pilihan klinikal. Bertindak untuk mencegah kemudaran.

MENDAYAKAN PERKEMBANGAN

Dayakan perubahan yang penting dan diperlukan segera untuk membantu klien kami menjadi yang terbaik dan terlibat secara positif dengan dunia mereka. Memperjuangkan kepentingan kesihatan mental dan kesejahteraan dalam membina komuniti yang berdaya tahan.

perkongsian yang penuh rasa hormat antara klien dan pasukan perkhidmatan klinikal.

Bagaimanakah kami boleh mewujudkan hubungan



PEKA BERANI SELAMAT

Mampu mengenal pasti dan bertindak balas dengan berhati-hati terhadap cabaran etika, berwaspada terhadap pertimbangan keselamatan untuk klien, klinisian dan komuniti

MELABUR DALAM PEMBELAJARAN KAMI SENDIRI

Memupuk kesedaran diri dan meningkatkan kemahiran interpersonal dan amalan reflektif secara aktif

terapeutik dengan klien apabila terdapat perbezaan budaya?

Terapi / Intervensi

Intervensi yang paling berkesan akan mencerminkan keperluan klien tertentu ini dalam konteks khusus ini.

Bagaimanakah latar belakang budaya klien dan klinisian boleh mempengaruhi perkara yang menjadikan intervensi terapeutik berjaya?

Perumusan Kes

Bersikap terbuka untuk mendengar cerita klien merupakan kunci bagi memastikan penilaian kami adalah menyeluruh, mengikut konteks dan didasarkan dengan baik.

Dalam cara apakah proses penilaian ini boleh mengakibatkan perumusan yang salah?

Mewujudkan Hubungan Terapeutik

Kerja klinikal yang berjaya melibatkan

mewujudkan asas etika untuk memupuk penglibatan klinikal kolaboratif semasa tempoh kesusahan dan kelemahan.

Adakah kami mengutamakan persekitaran yang saling mempercayai dan tidak menghakimi untuk kerja klinikal kami?

peluang yang bermanfaat atau ketegangan yang tidak membantu kepada kejayaan pengendalian perkhidmatan ini?

Persekitaran terapeutik merupakan kunci kepada hasil klinikal yang kuat dan positif. Persekitaran tersebut

**HUBUNGAN :
UTAMAKAN
INDIVIDU DAN
ALAM SEKITAR**

Melabur dalam
hubungan - memahami
bahawa perkara
tersebut ialah nadi
amalan klinikal -
mendengar dengan
teliti, boleh dipercayai,
telus dan
bertanggungjawab,
serta berkelakuan mulia

KONTEKS DAN BELAS KASIHAN

Sentiasa bekerja dengan cara yang
responsif mengikut konteks dan penuh
belas kasihan

ILTIZAM

Jadilah individu yang reflektif, bertanggungjawab dan
gigih apabila berhadapan dengan cabaran etika.